

**Kerajaan Arab Saudi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Universiti Islam Madinah
Jabatan Kajian Ilmiah
Bahagian Terjemahan.**

الأصول الثلاثة

**TIGA ASAS
UTAMA**

Oleh:
SHEIKH MUHAMMAD BIN
ABDUL WAHAB AT-TAMIMI.

رحمه الله تعالى.

(Bahasa Malaysia)

Alih Bahasa:
Abdul Basit Bin Abdul Rahman.

المملكة العربية السعودية
وزارة التعليم العالي
الجامعة الإسلامية بالمدينة المنورة
عمادة البحث العلمي
قسم الترجمة

الأصول الثلاثة وأدلتها

تأليف / الإمام العلامة الشيخ

محمد بن عبد الوهاب

(رحمه الله)

باللغة
الماليزية



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Ketahuiilah wahai saudara, semoga Allah merahmati kamu.

Sesungguhnya wajib ke atas kita mengetahui empat masalah ini:

Pertama: Ilmu, iaitu ilmu mengenali Allah, RasulNya dan agama Islam dengan dalil-dalilnya.

Kedua: Beramal dengannya.

Ketiga: Berdakwah mengajak manusia kepadanya.

Keempat: Bersabar di atas kesusahan kerananya.

Dalilnya, firman Allah Taala:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿ وَالْعَصْرِ ﴿ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿ ﴿ [سورة العصر: الآيات ١-٣].

“Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta mereka yang berpesan-pesan dengan kebenaran dan yang berpesan-pesan dengan kesabaran”. (Surah Al-‘Asr, ayat 1-3).

Kata Imam Syafi’e (rahimahullah): “Sekiranya Allah ﷻ tidak menurunkan hujjah ke atas hambaNya kecuali surah ini, nescaya ia sudah memadamkan bagi mereka”.

Kata Imam Bukhari (rahimahullah): “Bab: Ilmu sebelum perkataan dan amalan, dalilnya, firman Allah Taala :

ا فَاَعْلَمَ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُ لِدُنْيِكَ ﴿ [سورة محمد: الآية ١٩].

“Maka ketahuilah (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan mintalah ampun kepadaNya di atas kesalahan yang telah engkau lakukan”. (Surah Muhammad, ayat 19).

Maka Allah meletakkan ilmu mendahului perkataan dan perbuatan”.

Ketahuiilah wahai saudara, semoga Allah merahmati kamu.

Sesungguhnya wajib ke atas setiap muslim, lelaki dan perempuan memahami tiga perkara ini dan beramal dengannya.

Pertama: Allah telah mencipta dan memberi rezeki kepada kita semua serta tidak membiarkan kita tanpa petunjuk. Dia telah mengutuskan RasulNya kepada kita. Sesiapa yang taat kepadaNya, akan mendapat balasan Syurga dan sesiapa yang ingkar akan mendapat balasan Neraka.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اِنَّا اَرْسَلْنَا اِلَيْكُمْ رَسُوْلًا شَهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَا اَرْسَلْنَا اِلَى فِرْعَوْنَ رَسُوْلًا ﴿ فَعَصَى فِرْعَوْنُ الرَّسُوْلَ فَاَخَذْنَاهُ اَخْذًا وَّيَبِيْلًا ﴿ ﴿ [سورة المزمل: الآيتان ١٥-١٦].

“Sesungguhnya Kami telah utuskan kepada kamu (wahai umat Muhammad), seorang Rasul yang menjadi saksi terhadap kamu (tentang orang yang mematuhi atau menolak seruannya), sebagaimana Kami telah utuskan kepada Firaun seorang Rasul.

Maka Firaun menderhaka kepada Rasul itu, lalu Kami menyeksanya dengan azab seksa yang seberat-beratnya”. (Surah Al-Muzzammil, ayat 15-16).

Kedua: Allah ﷻ sekali-kali tidak membenarkan untuk menyekutuiNya dengan sesuatu apapun dalam melakukan ibadah kepadaNya, walaupun dengan malaikat yang hampir (dengan Allah) atau nabi yang diutus.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اِنَّ الْمَسْجِدَ لِلّٰهِ فَلَا تَدْعُوْا مَعَ اللّٰهِ اَحَدًا ﴿١٨﴾ [سورة الجن: الآية ١٨].

“Bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu adalah tempat untuk (beribadat kepada) Allah semata-mata, maka janganlah kamu menyeru dan menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah”. (Surah Al-Jin, ayat 18).

Ketiga: Sesiapa yang mentaati Rasul dan mengakui akan keesaan Allah ﷻ tidak harus baginya membela dan menyokong mereka yang menentang ajaran Allah dan RasulNya, walaupun mereka merupakan kaum kerabat yang terdekat.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اَلَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ يُوَادُّوْنَ مَنْ حَادَّ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُۥ وَلَوْ كَانُوْا اٰبَاءَهُمْ اَوْ اَبْنَاَهُمْ اَوْ اِخْوَانَهُمْ اَوْ عَشِيْرَتَهُمْ اُولٰٓئِكَ كَتَبَ فِيْ قُلُوْبِهِمُ الْاِيْمَانَ وَاَيَّدَهُمْ بِرُوْحٍ مِّنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِيْ مِنْ تَحْتِهَا الْاَنْهَارُ خٰلِدِيْنَ فِيْهَا فِيْهَا رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُمْ وَرَضُوْا عَنْهُ اُولٰٓئِكَ حِزْبُ اللّٰهِ اَلَا اِنَّ حِزْبَ اللّٰهِ هُمُ الْمُقْلِحُوْنَ ﴿٢٢﴾ [سورة المجادلة: الآية ٢٢]

“Engkau tidak akan menemui suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka atau saudara-saudara mereka ataupun keluarga mereka. Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadaNya dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah redha akan mereka dan mereka redha (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Merekalah penyokong-penyokong (agama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (agama) Allah itulah orang-orang yang berjaya”. (Surah Al-Mujadilah, ayat 22).

Ketahuilah wahai saudara, semoga Allah memberi petunjukNya kepada kamu untuk melakukan ketaatan kepadaNya.

Sesungguhnya agama (Islam) yang lurus (*Al-Hanifiyyah*) iaitu agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim ﷺ yang mengajar bahawa Allah ﷻ sahaja yang berhak disembah dengan penuh ikhlas dan ketaatan. Itulah yang diperintahkan oleh Allah ﷻ kepada semua manusia dan sesungguhnya Dia mencipta mereka untuk tujuan tersebut sebagaimana firmanNya:

اَوْ مَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْاِنْسَ اِلَّا لِيَعْبُدُوْنَ ﴿٥٦﴾ [سورة الذاريات: الآية ٥٦].

“Dan (ingatlah) bahawa Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadat kepadaKu”. (Surah Az-Zariyat, ayat 56).

Maksud ﴿ يعبدون ﴾ “menyembah / beribadat kepadaKu” bererti mengesakanKu. Antara suruhan terbesar yang diperintahkan oleh Allah ialah tauhid, *iaitu mengaku hanya Allah sahaja yang layak disembah* dan larangan yang paling besar ialah syirik, *iaitu menyembah sesuatu yang lain bersama Allah*.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اَوْعَبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ﴿ [سورة النساء: الآية ٣٦].

“Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu pun”. (Surah An-Nisa’, ayat 36).

TIGA ASAS UTAMA

Apabila kamu ditanya: Apakah tiga asas utama yang wajib diketahui oleh setiap insan? Maka jawablah: Seorang hamba wajib mengenali tuhanNya, agamanya dan nabinya Muhammad ﷺ.

ASAS PERTAMA: MENGENALI ALLAH ﷻ

Apabila kamu ditanya : Siapa tuhan kamu?

Maka jawablah: Tuhanku ialah Allah yang memeliharaaku dan seluruh makhluk dengan nikmatNya. Dialah sahaja yang aku sembah dan tidak ada tuhan yang aku sembah selain daripadaNya. Dalilnya, firman Allah Taala:

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿ [سورة الفاتحة: الآية ٢]

“Segala puji bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbir sekalian alam”.
(Surah Al-Fatihah, ayat 2).

Semua perkara selain daripada Allah adalah alam (makhluk) ciptaanNya dan aku adalah salah satu daripada makhlukNya.

Jika kamu ditanya lagi: Bagaimana kamu mengenali tuhan kamu?

Maka jawablah: Aku mengenalinya melalui tanda-tanda kekuasaanNya dan makhluk-makhluk ciptaanNya. Di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kejadian siang dan malam, matahari dan bulan dan di antara makhluk ciptaanNya ialah tujuh petala langit dan tujuh petala bumi serta segala yang terkandung di dalam keduanya dan segala yang ada di antara keduanya. Dalilnya, firman Allah Taala:

اَوْ مِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن

كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿ [سورة فصلت: الآية ٣٧].

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula kamu sujud kepada bulan dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, sekiranya kamu benar-benar beribadat hanya kepada Allah”. (Surah Fussilat, ayat 37).

Dan firmanNya lagi:

إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُعْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ ۗ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿ [سورة

الأعراف: الآية ٥٤].

“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah Yang Menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, lalu Dia bersemayam di atas Arasy, Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan cepat (silih berganti) dan (Dia pula Yang Menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintahNya. Ingatlah, kepada Allah

jualah urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah Yang Mencipta dan Mentadbir sekalian alam”. (Surah Al-A’raf, ayat 54).

“*Ar-Rabb*” antara ertinya ialah: ‘Yang disembah’ (Hanya Allah sahaja yang layak disembah).

Dalilnya, firman Allah Taala:

اِيْتَأْتِيهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمْ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا
وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾
[البقرة: ٢١-٢٢]

“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta segala isinya) seperti bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu, maka janganlah kamu mengadakan sekutu bagi Allah, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)”. (Surah Al-Baqarah, ayat 21-22).

Kata Ibnu Kathir (rahimahullah Taala): “Hanya Pencipta segala kejadian ini sahaja yang layak disembah”.

Antara jenis-jenis ibadat yang diperintah oleh Allah agar dilaksanakan adalah seperti: Islam, Iman dan Ihsan. Di antaranya lagi ialah doa, (*khauf*) takut, (*rajaa'*) harap, tawakkal, (*raghbah*) gemar, (*rahbah*) gerun, khusyu', (*khasyiah*) takut, (*inabah*) kembali kepadaNya, (*isti'annah*) minta pertolongan, (*isti'azah*) berlindung daripada kejahatan, (*istighathah*) minta bantuan, (*Az-Zabih*) korban dan nazar serta ibadat-ibadat lain yang telah diperintah oleh Allah. Semua ibadat ini khas untuk Allah yang Maha Tinggi.

Dalilnya, firman Allah Taala:

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾ [سورة الجن: الآية ١٨]

“Bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (beribadat kepada) Allah semata-mata, maka janganlah kamu menyeru dan menyembah sesiapaupun bersama-sama Allah”. (Surah Al-Jin, ayat 18).

Sesiapa yang menjadikan salah satu daripada ibadat tersebut kepada selain daripada Allah maka dia telah menjadi syirik dan kufur terhadap Allah.

Dalilnya, firman Allah Taala:

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ ﴿١١٧﴾ [سورة
المؤمنون: الآية ١١٧].

“Sesiapa yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, dengan tidak berdasarkan sebarang dalil (keterangan) mengenainya, maka sesungguhnya hitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu) disediakan di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berjaya”. (Surah Al-Mukminun, ayat 117).

Dalil Doa:

Tersebut dalam hadis: ((الدعاء من العبادة))

“Doa adalah asas segala ibadat”.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اَوْقَالَ رَبُّكُمْ اَدْعُونِيْ اَسْتَجِبْ لَكُمْ اِنَّ الَّذِيْنَ يَسْتَكْبِرُوْنَ عَن عِبَادَتِيْ سَيَدْخُلُوْنَ جَهَنَّمَ دَاخِرِيْنَ ﴿٦٠﴾

[سورة غافر: الآية ٦٠].

“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong (takbur) daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk ke dalam Neraka Jahannam dalam keadaan hina”. (Surah Ghafir [Al-Mukmin], ayat 60).

Dalil (Khauf) Takut:

Firman Allah Taala:

اَفَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُوْنَ اِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ ﴿١٧٥﴾ [سورة آل عمران: الآية ١٧٥].

“Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepadaKu (jangan cuaikan perintahKu), jika kamu benar-benar orang yang beriman”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 175).

Dalil (Rajaa’) Harap:

Firman Allah Taala:

اَفَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاؤَ رَبِّهٖ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهٖ اٰحَدًا ﴿١١٠﴾ [سورة الكهف: الآية ١١٠].

“Sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadatnya kepada Tuhannya”. (Surah Al-Kahfi, ayat 110).

Dalil Tawakkal:

Firman Allah Taala:

اَوْعَلَىٰ اَللّٰهِ فَتَوَكَّلُوْا اِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ ﴿٢٣﴾ [سورة المائدة: الآية ٢٣].

“Hanya kepada Allah hendaklah kamu berserah (bertawakkal), jika kamu benar-benar orang yang beriman”. (Surah Al-Maidah, ayat 23).

اَوْمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَىٰ اَللّٰهِ فَهُوَ حَسْبُهٗ ﴿٣﴾ [سورة الطلاق: الآية ٣].

“Sesiapa berserah diri (bertawakkal) kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan baginya (menolong dan menyelamatkannya)”. (Surah At-Tholaq, ayat 3).

Dalil (Raghbah) Gemar, (Rahbah) Gerun dan Khusyu’:

Firman Allah Taala:

اِنَّهُمْ كَانُوْا يُسْرِعُوْنَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُوْنَآ رَعْبًا وَرَهْبًا وَّكَانُوْا لَنَا خٰشِعِيْنَ ﴿٩٠﴾ [سورة الأنبياء: الآية ٩٠].

“Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan, gerun dan takut serta mereka pula sentiasa khusyu’ (taat) kepada Kami”. (Surah Al-Anbiya’, ayat 90).

Dalil (Khasyiah) Takut:

Firman Allah Taala:

اَفَلَا تَخْشَوْنَهُمْ وَاَخْشَوْنِيْ ﴿١٥٠﴾ [سورة البقرة: الآية ١٥٠].

“Maka janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kamu kepadaKu”. (Surah Al-Baqarah, ayat 150).

Dalil (Al-Inabah) Kembali kepada Allah:

Firman Allah Taala:

وَأَنِيبُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ ﴿ [سورة الزمر: الآية ٥٤].

“Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah dirilah kepadaNya”. (Surah Az-Zumar, ayat 54).

Dalil (Isti’anah) Memohon Pertolongan:

Firman Allah Taala:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿ [سورة الفاتحة: الآية ٥].

“Hanya kepada Engkau sahajalah (Ya Allah) Yang Kami sembah dan hanya kepada Engkau sahajalah kami memohon pertolongan”. (Al-Fatihah, ayat 5).

Dalil daripada hadis:

((إذا استعنت فاستعن بالله)).

“Apabila kamu meminta pertolongan maka mintalah dengan Allah”.

Dalil (Isti’azah) Memohon Perlindungan:

Firman Allah Taala:

اقْلُ اعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿ مَلِكِ النَّاسِ ﴿ [سورة الناس: الآيتان ١-٢].

“Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung dengan Tuhan (Pemelihara) sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia”. (Surah An-Nas, ayat 1-2).

Dalil (Istighathah) Meminta Bantuan:

Firman Allah Taala:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابْ لَكُمْ ﴿ [سورة الأنفال: الآية ٩].

“(Ingatlah) ketika kamu memohon pertolongan daripada Tuhanmu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu”. (Surah Al-Anfal, ayat 9).

Dalil (Az-Zabh) Korban:

Firman Allah Taala:

اقْلُ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿ لَا شَرِيكَ لَهُ ﴿ [سورة الأنعام: الآية ١٦٢-١٦٣].

“Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadatku (sembelihanku / korbanku), hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam, tiada sekutu bagiNya”. (Surah Al-An’am, ayat 162-163).

Dalil daripada hadis:

((لعن الله من ذبح لغير الله)).

“Allah melaknat sesiapa yang menyembelih (korban) untuk selain daripadaNya”.

Dalil Nazar:

Firman Allah Taala:

يُوفُونَ بِالنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُ مُسْتَطِيرًا ﴿ [سورة الإنسان: الآية ٧].

“Mereka menyempurnakan nazar mereka (apatah lagi yang diwajibkan Tuhan kepada mereka), serta mereka takutkan hari (Akhirat) yang azab seksanya merebak di sana sini”. (Surah Al-Insan, ayat 7).

ASAS KEDUA:

MENGENALI ISLAM BERDASARKAN DALIL-DALIL.

Islam: iaitu menyerahkan diri kepada Allah ﷻ dengan tauhid (mengesakanNya), patuh serta taat setia terhadap segala suruhanNya dan melepaskan diri daripada segala bentuk syirik dan orang-orang musyrik.

Agama Islam merangkumi tiga martabat (peringkat):

1. Islam. 2. Iman. 3. Ihsan.

Setiap martabat mempunyai rukun-rukunnya.

Martabat Pertama: Islam.

Islam mempunyai lima rukun:

1. Mengucap dua kalimah Syahadah iaitu mengakui tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad ﷺ adalah utusan Allah.
2. Menunaikan solat lima waktu.
3. Menunaikan zakat.
4. Berpuasa dalam bulan Ramadhan.
5. Menunaikan haji ke Baitullah.

Dalil Syahadah:

Firman Allah Taala:

اَشْهَدُ اَللّٰهُ اَنْهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ وَالْمَلٰئِكَةُ وَاُوْلُو الْعِلْمِ قَاٰمًا بِالْقِسْطِ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ ﴿١٨﴾

[سورة آل عمران: الآية ١٨].

“Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 18).

Maksudnya: **Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Esa.** Makna “*La Ilaha*” menafikan segala jenis tuhan lain yang disembah selain daripada Allah. “*Illallah*” Menetapkan bahawa ibadah (perhambaan) itu hanya untuk Allah yang Esa, tiada sekutu bagiNya di dalam ibadat dan juga kekuasaan.

Tafsir syahadah ini telah dijelaskan melalui firman Allah Taala :

اِذْ قَالَ اِبْرٰهِيْمُ لِاٰبِيْهِ وَقَوْمِهِ اِنِّيْٓ بَرّٖٓمِمَّا تَعْبُدُوْنَ ﴿٢٦﴾ اِلَّا الَّذِيْ فَطَرَنِيْ فَاِنَّهُ سَيِّدِيْنَ ﴿٢٧﴾ وَجَعَلَهَا كَلِمَةً

بٰقِيَةً فِى عَقْبِهِمْ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُوْنَ ﴿٢٨﴾ [سورة الزخرف: الآيات ٢٦-٢٨].

“Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim ؑ berkata kepada bapanya dan kaumnya: Sesungguhnya aku berlepas diri daripada apa yang kamu sembah, tetapi (aku menyembah) Tuhan yang menciptakan diriku, kerana sesungguhnya Dia tetap memberi hidayah petunjuk kepadaku. Dan Nabi Ibrahim menjadikan kalimah tauhid itu tetap kekal pada keturunannya, supaya mereka kembali (kepada tauhid itu, jika ada yang menyeleweng kepada syirik)”. (Surah Az-Zukhruf, ayat 26-28).

Dan firman Allah Taala:

ا قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾ [سورة آل عمران: الآية ٦٤].

“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimah yang sama antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah dan kita tidak menyengutukannya dengan sesuatu jua pun dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewakan selain daripada Allah. Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 64).

Dalil Syahadah Muhammad Rasulullah:

Firman Allah Taala:

ا لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ [سورة التوبة: الآية ١٢٨].

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul daripada golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad ﷺ) yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat menginginkan kebaikan bagi kamu, belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang yang beriman”. (Surah At-Taubah, ayat 128).

Maksud mengaku bahawa “*Muhammad Rasulullah*” ialah dengan mematuhi segala ajarannya, beriman dengan segala yang dibawanya, meninggalkan segala larangannya dan menyembah Allah seperti yang diajarnya.

Dalil Solat, Zakat dan Tafsiran Tauhid:

Firman Allah Taala:

ا وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾ [سورة البينة: الآية ٥].

“Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, dalam keadaan teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar”. (Surah Al-Bayyinah, ayat 5).

Dalil Puasa:

Firman Allah Taala:

ا يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ وَآمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ [سورة البقرة: الآية ١٨٣].

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana yang diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”. (Surah Al-Baqarah, ayat 183).

Dalil Haji:

Firman Allah Taala:

اَوْلٰٓئِهٖ عَلٰى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتِطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا وَمَنْ كَفَرَ فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعٰلَمِيْنَ ﴿ [سورة آل عمران: الآية

.[٩٧]

“Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah Haji dengan mengunjungi Baitullah bagi sesiapa yang mampu sampai kepadanya dan mereka yang kufur (mengingkari kewajipan ibadah Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 97).

Martabat Kedua : Iman.

Iman itu mengandungi lebih daripada tujuh puluh bahagian; setinggi-tingginya ialah mengucap “**La ilaha illallah**” dan yang serendah-rendahnya ialah membuang sebarang gangguan yang berada di atas jalan dan malu itu sebahagian daripada Iman.

Rukun Iman enam perkara :

- 1) Beriman dengan Allah.
- 2) Beriman dengan MalaikatNya.
- 3) Beriman dengan Kitab-kitabNya.
- 4) Beriman dengan Rasul-rasulNya.
- 5) Beriman dengan Hari Kiamat.
- 6) Beriman dengan Qadar (ketentuan) baik dan buruk.

Dalil enam rukun ini:

Firman Allah Taala:

اَلَيْسَ الْبِرُّ اَنْ تُوَلُّوْا وُجُوْهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلٰكِنَّ الْبِرَّ مَنْ وَاْمَنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ
وَالْكِتٰبِ وَالرَّسُوْلِ ۗ ﴿ [سورة البقرة: الآية ١٧٧].

“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya dengan kamu menghadapkan muka ke arah timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah keimanan kepada Allah, hari akhirat, para malaikat, kitab-kitab dan nabi-nabi”. (Surah Al-Baqarah, ayat 177).

Dalil Qadar (ketentuan):

Firman Allah Taala:

اِنَّا كُلُّ شَيْءٍ خَلَقْنٰهُ بِقَدَرٍ ﴿ [سورة القمر: الآية ٤٩].

“Sesungguhnya Kami menciptakan setiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)”. (Surah Al-Qamar, ayat 49).

Martabat ketiga: Ihsan.

Ihsan hanya mempunyai satu rukun, iaitu kamu menyembah Allah (dengan keimanan) seolah-olah kamu melihatNya dan jika kamu tidak melihatNya, sesungguhnya Dia melihat kamu.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اِنَّ اللّٰهَ مَعَ الَّذِيْنَ اتَّقَوْا وَالَّذِيْنَ هُمْ مُّحْسِنُوْنَ ﴿ [سورة النحل: الآية ١٢٨].

“Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang melakukan kebaikan”. (Surah An-Nahli, ayat 128).

Firman Allah Taala lagi:

ا وَتَوَكَّلْ عَلَى الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ ﴿٢١٧﴾ الَّذِي يَرِنَكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٢١٨﴾ وَتَقْلُبُكَ فِي السَّجْدِ ﴿٢١٩﴾ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٢٢٠﴾ [سورة الشعراء: الآيات ٢١٧-٢٢٠].

“Dan berserahlah kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani, Yang melihatmu semasa engkau berdiri (mengerjakan sembahyang), dan (melihat) gerak-gerimu di antara orang-orang yang sujud. Sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”. (Surah Asy-Syu’ara’, ayat 217-220).

Firman Allah Taala lagi:

ا وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا مِنْهُ مِنْ قُرْآنٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ ﴿٦١﴾ [سورة يونس: الآية ٦١].

“Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) ketika menjalankan sesuatu urusan dan tidaklah engkau membaca dalam sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Quran dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) ketika mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya”. (Surah Yunus, ayat 61).

Dalil daripada Sunnah (hadis):

Hadis Jibrail عليه السلام yang masyhur dari ‘Umar bin Al-Khattab رضي الله عنه katanya:

(Ketika kami sedang duduk berdekatan dengan Nabi ﷺ tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang sangat putih pakaiannya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya kesan kepenatan bermusafir sedangkan tiada seorang pun daripada kalangan kami yang mengenalinya, lalu orang itu duduk berdekatan dengan Nabi ﷺ dengan menyandarkan kedua lututnya kepada kedua lutut Nabi ﷺ serta meletakkan kedua tangannya di atas dua pahanya seraya berkata:

Wahai Muhammad, beritahu kepada saya tentang Islam?

Sabda Nabi ﷺ:

((أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتُحِجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا)).

“Engkau menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah apabila berkemampuan”.

Kata lelaki tersebut: Benar!

(Kata ‘Umar): Kami merasa hairan, beliau bertanya kemudian beliau membenarkan jawapan yang diberikan.

Kemudian lelaki itu bertanya lagi: beritahu kepada saya tentang Iman?

Sabda Nabi ﷺ:

((أَنْ تَوَدَّعَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكِتَابِهِ وَرَسُولِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْقَدَرِ خَيْرٍ وَشَرِّهِ)).

“Hendaklah engkau beriman dengan Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan Hari Akhirat serta Qadar (untung) baik dan yang tidak baik”.

Katanya lagi: beritahu kepada saya tentang Ihsan?

Sabda Nabi ﷺ:

((أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ)).

“Engkau menyembah Allah (dengan keimanan) seolah-olah engkau melihatNya dan jika engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Dia melihat engkau”.

Katanya lagi: beritahu kepada saya tentang Hari Kiamat?

Sabda Nabi ﷺ:

((ما المسؤول عنها بأعلم من السائل)).

“Bukanlah orang yang ditanya tentang perkara itu lebih tahu daripada orang yang bertanya”.

Katanya lagi: beritahu kepada saya tanda-tanda Kiamat?

Sabda Nabi ﷺ:

((أن تلد الأمة ربتها، وأن ترى الحفاة العراة العالة رعاء الشاء يتطاولون في البنيان)).

“Apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan apabila engkau lihat orang yang tidak beralas kaki, tidak berpakaian (sempurna), hidup melarat mengembala kambing, berlumba-lumba membina bangunan yang tinggi”.

Kata ‘Umar: selepas itu lelaki tersebut terus pergi, kami semua berdiam diri seketika.

Rasulullah ﷺ bertanya: Wahai ‘Umar! Adakah kamu tahu siapa yang bertanya tadi?

Kami menjawab: Hanya Allah dan RasulNya yang mengetahui.

Sabdanya: “Inilah Jibrail, dia datang untuk mengajar kamu urusan agama kamu”.

ASAS KETIGA: MENGENALI NABI MUHAMMAD ﷺ.

Baginda ialah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim, Hasyim dari keturunan Quraisy, Quraisy dari bangsa Arab, Arab dari zuriat nabi Ismail bin Ibrahim Al-Khalil (sebaik-baik selawat dan salam ke atasnya serta ke atas nabi kita). Baginda hidup selama 63 tahun, 40 tahun sebelum diutuskan dan 23 tahun sebagai nabi dan rasul. Baginda dilantik menjadi nabi dengan surah Iqra’ dan diutuskan sebagai Rasul dengan surah Al-Muddatthir. Dilahirkan di Makkah dan kemudian berhijrah ke Madinah. Allah mengutuskannya untuk menyampaikan peringatan agar menjauhi syirik dan menyeru kepada tauhid (keesaan Allah).

Dalilnya, firman Allah Taala:

اِيْتَأْتِيهَا الْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنْذِرْ ﴿٢﴾ وَرَبِّكَ فَكَبِيرٌ ﴿٣﴾ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ﴿٥﴾ وَلَا تَمْنُن تَسْتَكْبِرُ ﴿٦﴾

﴿٦﴾ وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ ﴿٧﴾ [سورة المدثر: الآيات ١-٧].

“Wahai orang yang berselimut, bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan agungkan Tuhanmu, bersihkan pakaianmu, tinggalkan semua kejahatan (berhala) dan janganlah engkau memberi (sesuatu, dengan tujuan hendak) mendapat lebih banyak daripadanya. Dan untuk (menjalankan perintah) Tuhanmu, maka hendaklah engkau bersabar (terhadap tentangan musuh)”. (Surah Al-Muddatthir, ayat 1-7).

Makna: “*bangunlah serta berilah peringatan*”: iaitu memberi amaran agar menjauhi syirik dan menyeru ke arah tauhid.

“*Agungkan Tuhanmu*”: besarkanNya dengan tauhid (pengakuan tentang keesaan Allah).

“*Bersihkan pakaianmu*”: sucikanlah amalan kamu daripada syirik.

“*Tinggalkan semua kejahatan*”: kejahatan itu ialah berhala, menjauhi diri daripada berhala-berhala: dengan meninggalkannya serta menyembahnya dan berlepas diri daripada mereka.

Baginda melaksanakan perintah ini dengan menyeru manusia kepada tauhid selama 10 tahun, kemudian diangkat ke langit (Mikraj) dan telah difardukan solat lima waktu ke atasnya. Solat telah ditunaikan di Makkah selama tiga tahun.

Baginda kemudiannya diarahkan berhijrah ke Madinah.

Hijrah bererti: Berpindah meninggalkan negara syirik ke negara Islam. Hijrah ini wajib ke atas umat Islam sehingga hari Kiamat.

Dalilnya, firman Allah Taala :

﴿إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّيْتَهُمُ الظَّالِمِينَ أَنفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضَ اللَّهِ وَسِعَةً فَتُهَاجِرُوا فِيهَا فَأُولَئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾ إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانَ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا ﴿٩٨﴾ فَأُولَئِكَ عَسَى اللَّهُ أَنْ يَعْفُوَ عَنْهُمْ وَكَانَ اللَّهُ عَفُورًا غَفُورًا ﴿٩٩﴾﴾

[سورة النساء: الآيات ٩٧-٩٩].

“Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: ‘Dalam keadaan bagaimana kamu ini? Mereka menjawab: Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi. Malaikat bertanya lagi: Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya? Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah Neraka Jahannam dan Neraka Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berdaya upaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah). Maka mereka (yang demikian sifatnya), mudah-mudahan Allah maafkan mereka dan (ingatlah), Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun”. (Surah An-Nisa’, ayat 97-99).

Firman Allah Taala lagi:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ أَرْضِي وَاسِعَةٌ فَإِنَّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾﴾ [سورة العنكبوت: الآية ٥٦].

“Wahai hamba-hambaKu yang beriman! Sesungguhnya bumiKu adalah luas (untuk kamu bebas beribadat); oleh itu, (di mana sahaja kamu dapat berbuat demikian) maka hendaklah kamu ikhlaskan ibadat kamu kepadaKu”. (Surah Al-Ankabut, ayat 56).

Kata Al-Baghawi (rahimahullah): “Ayat ini diturunkan kepada kaum muslimin yang tinggal di Makkah dan tidak berhijrah ke Madinah, namun Allah tetap memanggil mereka sebagai hambaNya yang beriman”.

Dalil daripada Sunnah yang menunjukkan kewajipan hijrah, sabda Rasulullah ﷺ :

((لا تنقطع الهجرة حتى تنقطع التوبة، ولا تنقطع التوبة حتى تطلع الشمس من مغربها))

“Tidak akan terputus hijrah hingga tertutupnya pintu taubat dan pintu taubat tidak akan ditutup sehingga matahari terbit dari sebelah barat”.

Apabila Rasulullah ﷺ telah menetap di Madinah, Baginda telah diperintahkan untuk melaksanakan syariat-syariat Islam yang lain seperti zakat, puasa, haji, azan, jihad, amar ma’ruf dan nahi mungkar dan lain-lain lagi daripada syariat Islam. Baginda mengambil masa selama sepuluh tahun untuk memperjuangkannya. Setelah itu, baginda telah diwafatkan oleh Allah, namun agama Islam tetap kekal. Inilah agamanya: tidak ada suatu kebaikan kecuali telah ditunjukkan kepada umatnya dan tidak ada sebarang kejahatan kecuali telah diberi amaran kepada umatnya agar menjauhinya. Kebaikan yang telah ditunjukkan oleh Baginda

ialah tauhid (mengesakan Allah) dan segala yang diredhai dan disukai olehNya. Keburukan yang diberi peringatan oleh Baginda ialah syirik dan semua perkara yang dibenci dan yang dilarang oleh Allah.

Allah mengutus Muhammad ﷺ kepada seluruh umat manusia dan mewajibkan ke atas semua manusia dan jin agar patuh dan taat kepada ajarannya.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اِقْلُ يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا ﴿ [سورة الأعراف: الآية ١٥٨].

“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semua”. (Surah Al-A’raf, ayat 158).

Melalui Baginda (Muhammad Rasulullah ﷺ) Allah menyempurnakan agama Islam.

Dalilnya, firman Allah Taala:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ﴿ [سورة المائدة: الآية ٣].

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redha Islam itu menjadi agama untuk kamu”. (Surah Al-Maidah, ayat 3).

Dalil tentang Kewafatan Nabi Muhammad ﷺ, firman Allah Taala:

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ ﴿ ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عِنْدَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ﴿ [سورة الزمر: الآية ٣٠-٣١].

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati dan mereka juga akan mati. Kemudian sesungguhnya kamu pada Hari Kiamat nanti berbantah-bantahan di hadapan Tuhan”. (Surah Az-Zumar, ayat 30-31).

Dalil bahawa manusia akan dibangkitkan selepas kematian mereka, firman Allah Taala:

﴿ مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى ﴿ [سورة طه: الآية ٥٥]

“Dari bumilah Kami ciptakan kamu dan ke dalamnyalah Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi”. (Surah Taha, ayat 55).

Dan firman Allah Taala lagi:

﴿ وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿ ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿ [سورة نوح: الآيتان ١٧-١٨].

“Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh sempurna, kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam bumi (sesudah mati) dan mengeluarkan kamu daripadanya (sesudah dihidupkan semula untuk dihitung amal kamu dan diberi balasan), dengan pengeluaran yang sungguh benar”. (Surah Nuh, ayat 17-18).

Selepas dibangkitkan, mereka akan dihisab dan diberi balasan mengikut amalan masing-masing. Dalilnya, firman Allah Taala:

﴿ وَاللَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسْتَوُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى ﴿ [سورة النجم: الآية ٣١]

“Dan Allah jualah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; (diciptakan semuanya itu) untuk membalas orang-orang yang berbuat jahat menurut amalan yang mereka lakukan dan membalas orang-orang yang berbuat baik dengan balasan yang sebaik-baiknya”. (Surah An-Najmi, ayat 31).

Sesiapa yang menafikan hari Kebangkitan adalah kafir.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اَزَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا اَنْ لَّنْ يُبْعَثُوْا قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذٰلِكَ عَلٰى اللّٰهِ يَسِيْرٌ ﴿٧﴾ [سورة

التغابن: الآية ٧].

“(Di antara sebab-sebab kufur) orang-orang yang kafir (ialah kerana mereka) mengatakan bahawa mereka tidak sekali-kali akan di bangkitkan (sesudah mati). Katakanlah: Bahkan, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan, kemudian kamu akan diberitahu tentang segala yang telah kamu kerjakan dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah”. (Surah At-Taghabun, ayat 7).

Allah telah menghantar semua rasul untuk membawa khabar gembira dan peringatan.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اِرْسَالًا مُّبَشِّرِيْنَ وَمُنذِرِيْنَ لَعَلَّ يَكُوْنُ لِلنَّاسِ عَلٰى اللّٰهِ حُجَّةٌۢۤ اٰتٰى بَعْدَ الرُّسُلِ ﴿١٦٥﴾ [سورة النساء: الآية ١٦٥].

“Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk beralih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah Dia mengutuskan Rasul-rasul itu”. (Surah An-Nisa’, ayat 165).

Rasul yang pertama ialah Nuh ﷺ dan yang terakhir ialah Muhammad ﷺ, penutup segala nabi-nabi.

Dalil bahawa Nuh adalah rasul yang pertama, firman Allah Taala:

اِنَّا اَوْحَيْنَا اِلَيْكَ كَمَا اَوْحَيْنَا اِلٰى نُوْحٍ وَالنَّبِيِّۙنَ مِنْۢ بَعْدِهٖ ﴿١٦٣﴾ [سورة النساء: الآية ١٦٣].

“Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh dan Nabi-nabi yang diutus kemudian daripadanya”. (Surah An-Nisa’, ayat 163).

Allah telah mengutuskan rasul kepada setiap umat, bermula dari Nuh ﷺ sehingga Muhammad ﷺ. Mereka menyeru setiap umat supaya menyembah Allah ﷻ sahaja dan menegah daripada menyembah taghut. Dalilnya, firman Allah Taala:

اُولٰٓئِكَ نَبَاؤُنَا فِي كُلِّ اُمَّةٍ رَّسُوْلًا اَنْ اَعْبُدُوْا اللّٰهَ وَاجْتَنِبُوْا الطَّاغُوْتِ ﴿٣٦﴾ [سورة النحل: الآية ٣٦].

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada setiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya supaya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut”. (Surah An-Nahli, ayat 36).

Allah ﷻ telah mewajibkan ke atas semua hambaNya agar menolak (menjauhi) taghut dan beriman kepadaNya.

Ibnul Qayyim (rahimahullah) telah berkata: “**Erti taghut:** ialah apabila seorang hamba melampaui batas sama ada dari segi yang disembah atau yang diikuti atau yang dipatuhi”.

Jenis-jenis taghut itu banyak, tetapi yang utamanya ialah lima:

1. Iblis –laknat Allah ke atasnya.
2. Sesiapa sahaja yang disembah dan dia redha dengannya.

3. Sesiapa yang mengajak manusia untuk menyembahnya.
4. Sesiapa yang mengaku bahawa dia mengetahui tentang perkara ghaib.
5. Mereka yang memerintah dan menghukum tanpa berpandukan panduan yang diturunkan oleh Allah ﷻ.

Dalilnya, firman Allah Taala:

اَلَا اِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللّٰهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ
الْوُثْقٰى لَا اَنْفِصَامَ لَهَا وَاللّٰهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾ [سورة البقرة: الآية ٢٥٦] .

“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang ingkar kepada taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”. (Surah Al-Baqarah, ayat 256).

Inilah hakikat: **“La ilaha illallah”** (Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah).

Tersebut dalam hadis:

((رأس الأمر الإسلام، وعموده الصلاة، وذروة سنامه الجهاد في سبيل الله)) .

“Pokok agama ialah Islam, tiangnya ialah solat dan perkara yang tertinggi dalam agama ialah Jihad di jalan Allah”.

Wallahu a’lam.

